



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

DALAM TANDAS PUN ADA ADAB-ADABNYA

(BILANGAN 244 BAHAGIAN PERTAMA)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Tandas di sini ialah suatu tempat khas yang dibina dalam sesebuah rumah atau bangunan yang pada kebiasaannya digunakan untuk qadha hajat.

Tandas yang bersih, lebih-lebih lagi yang selesa, merupakan suatu keperluan. Kerana itu tidak hairan jika sebilangan individu tidak menggemari tandas awam, kerana menganggap ianya antara tempat yang kotor, menjijikkan atau kurang menyenangkan.

Apapun gambaran yang dibayangkan terhadap tandas, ianya tidak mengurangkan dan menjejaskan pandangan Islam terhadap kepentingannya. Oleh kerana itu, telah digariskan beberapa adab yang mudah untuk diamalkan ketika berada dalamnya, ketika qadha hajat dan setelah selesai qadha hajat. Antaranya ialah:

1. Ketika Berada Dalam Tandas

- i. Tidak membawa sesuatu yang tertulis padanya perkataan yang mulia seperti ayat-ayat al-Qur'an, bahkan sunat ditanggalkan. Ini termasuklah *lafzhul jalalah*, *asma'ul husna*, nama nabi-nabi sekalipun dia bukan Rasul, nama malaikat dan kesemua nama-nama mulia; samada nama-nama yang dikhususkan untuk

seseorang yang mulia ataupun nama tersebut mempunyai persamaan seperti ‘al-Aziz’; kerana nama ini digunakan untuk *asma’ul husna* dan juga selainnya. Begitu juga ‘Ahmad’ yang menunjukkan nama Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wasallam* dan juga untuk selainnya. Adapun jika nama tersebut dimaksudkan secara umum, maka tidaklah makruh.

Ini berdasarkan kepada hadis Anas *Radhiallahu ‘anhu*, iaitu perbuatan Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* menanggalkan cincin Baginda yang telah diukir dengan perkataan ‘Muhammad Rasul Allah’.



()

Maksudnya: “*Bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam apabila Baginda (hendak) masuk ke tandas Baginda menanggalkan cincin Baginda.*”

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Sekiranya seseorang itu terlupa atau tidak sempat untuk menanggalkan cincin yang mengandungi perkataan mulia tadi, maka hendaklah digenggam dengan telapak tangan atau dimasukkan ke dalam serban dan seumpamanya (disembunyikan atau ditutup). Perbuatan seperti ini adalah adab yang dituntut.

Adapun membawa masuk mushaf ke dalam tandas tanpa darurat, maka hukumnya adalah haram. Begitu juga dengan cincin yang ada perkataan mulia yang dipakai pada tangan kiri yang digunakan untuk *beristinja’* (bercebok), kerana sudah pasti akan terkena najis padanya.

- ii. Jangan masuk tandas dengan kepala dan kaki yang terdedah (tidak berlapis). Hadis *mursal* daripada Habib bin Shalih *Radhiallahu ‘anhu* dia berkata:



()

Maksudnya: “Bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* jika (hendak) masuk ke tandas, Baginda memakai alas kaki dan (juga) menutup kepala Baginda.”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

- iii. Sunat mendahulukan kaki kiri apabila masuk tandas, sekalipun bukan dengan tujuan untuk qadha hajat seperti menyimpan atau mengambil barang.
- iv. Sunat mendahulukan kaki kanan apabila keluar dari tandas atau beredar dari tempat qadha hajat.
- v. Sunat menyediakan air yang akan digunakan untuk beristinja’ (bercebok) lebih awal. (Jika tiada kemudahan paip air untuk beristinja’).
- vi. Sunat membaca doa sebelum masuk tandas sepertimana riwayat daripada *Anas Radhiallahu ‘anhu* bahawa Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* ketika hendak masuk tandas Baginda *Shallallahu ‘alaihi wasallam* berdoa:

()

Maksudnya: *“Dengan nama Allah, Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari syaitan khubtsi (lelaki) dan syaitan khaba’its (perempuan).”*

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- vii. Sunat membaca doa setelah keluar dari tandas antaranya riwayat daripada ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha* dan Anas bin Malik *Radhiallahu ‘anhu* bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah mengucapkan:

()

Maksudnya: *“Aku memohon keampunanMu. Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan kesusahan (berak dan kencing) daripadaku dan menjadikan aku sihat wal‘afiat.”*

(Hadis riwayat Ibnu Majah)

Adapun perkataan () itu, maka sunat dibaca sebanyak 3 kali.

- viii. Sunat mengangkat pakaian satu demi satu ketika hendak duduk qadha hajat, melainkan jika ditakuti terkena najis maka memadailah mengikut kadar yang sepatutnya. Begitu juga setelah selesai qadha hajat, sunat menurunkan atau melepaskan pakaian satu demi satu sebelum sempurna dia berdiri tegak.
- ix. Makruh berlengah-lengah (duduk lama-lama tanpa keperluan) dalam tandas.
- x. Disunatkan untuk tidak makan dan minum.
- xi. Haram menghadap atau membelakangi kiblat ketika qadha hajat khususnya pada tempat yang luas atau terbuka dan tanpa ada pendinding (yang boleh menutup aurat), kecuali jika tempat itu

berada dalam suatu bangunan atau binaan dan memang disediakan sebagai tempat qadha hajat seperti tandas yang dibina dalam rumah atau bangunan. Maka hukumnya adalah dibolehkan; tidak haram dan tidak makruh dan tidak menyalahi yang utama (*khilaf al-awla*).

Ini dapat difahami dari hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah bin ‘Umar *Radhiallahu ‘anhuma* dia berkata:



()

Maksudnya: “*Aku naik ke atas rumah Hafshah untuk sesuatu hajat (pekerjaan), lalu aku melihat Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam sedang qadha hajat (buang air besar), iaitu Baginda (dalam keadaan) membelakangi kiblat (dan) menghadap negeri Syam.*”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Setelah qadha hajat, jika dia ingin berpindah ke tempat lain untuk beristinja’ (bercebok), maka tiada haram atau makruh untuk dia menghadap atau membelakangi kiblat.

bersambung